

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 18.11.2015
SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju supaya menurunkan kuasa Kerajaan Persekutuan dalam bidang pendidikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak agar Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kuasa otonomi dalam bidang pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan serta pekeliling dan Arahan Kerajaan Persekutuan. Kewujudan Jabatan Pendidikan di setiap negeri bertujuan untuk melancarkan pengurusan pendidikan seluruh negara. Walau bagaimanapun, negeri diberi kebebasan mengurus pendidikan negeri masing-masing dengan tertakluk kepada arahan yang diputuskan di peringkat pengurusan pusat.

RJM44A